

PENGAMALAN JIHAD AMAR MA'RUF NAHI MUNKAR DI MASJID: SATU PENGHAYATAN

Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin
Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam
Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
norsaadah@kuis.edu.my

Nurul Azlinda bt Sidin
Nursyafiqah Hamimi bt Zaradi
Sarjana Muda Dakwah dengan Pengurusan Sumber Insan
Akademi Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Kegiatan tidak bermoral dan menjijikkan di kawasan masjid pernah didedahkan dari sumber Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan pada tahun 2010. Isu ini telah mencemarkan imej masjid sedangkan institusi masjid merupakan satu aset penting dalam sejarah kebangkitan Islam. Fungsi dan peranan institusi masjid berperanan lebih luas sesuai dengan peredaran masa bukan sekadar tempat menunaikan ibadat khusus semata-mata malah sebagai medan pembangunan insan, percambahan ilmu, pusat tamadun Islam, pusat ekonomi, penyelidikan, informasi dan penggerak masyarakat komuniti. Disebabkan kepelbagaian fungsi masjid ini, maka adab dan akhlak perlu dipelihara agar imej rumah Allah tidak dicemari. Amalan amar ma'ruf dan nahi munkar terus disemarakkan demi menjaga kemuliaan masjid seperti menggalakkan jemaah untuk menunaikan solat di awal waktu bersama imam, niat beriktikaf ketika duduk di masjid, menjaga pergaulan dan sebagainya. Manakala konsep nahi munkar seperti menegah membaca Al-quran dengan bacaan yang tidak bertajwid, membazir ketika berwudhuk, tidak memelihara aurat, membina kuburan dan sebagainya. Oleh itu penulisan kertas kerja ini untuk menghayati pengamalan jihad amar ma'ruf nahi munkar di masjid-masjid.

Kata kunci: *Pengamalan, Amar Ma'ruf, Nahi Munkar, Masjid*

PENGENALAN

Institusi masjid adalah satu institusi yang hidup dan tidak bersifat statik dengan kepelbagaian fungsinya membangun masyarakat Islam dalam setiap lapangan hidup. Masyarakat merupakan jaringan perhubungan antara pelbagai individu yang merujuk kepada pergaulan hidup dan keseluruhan hubungan sosial. Malaysia kini mempunyai lebih 21 ribu masjid dan surau di seluruh negara (Ali, 2008). Lebih membanggakan ada di antara masjid tersebut tersergam indah serta menelan belanja yang tidak sedikit dengan berbagai corak dan reka bentuk hiasan. Namun demikian, peranan tidak sehebat bangunan, masjid selalu dikaitkan dengan konsep ibadat ritual, sebagai rumah ibadat atau *a house of worship*. Implikasinya masjid hanya berperanan sebagai tempat beribadat ritual semata-mata dan hanya sesekali dijadikan sebagai tempat beberapa upacara seperti majlis akad nikah. Oleh itu pelaksanaan konsep *amar ma'ruf* dan *nahi munkar* perlu disemarakkan agar institusi masjid menjadi *one stop centre* bagi umat Islam dan masyarakat bukan Islam dalam mencari hidayah.

Konsep *amar ma'ruf* dan *nahi munkar* berasal daripada peristilahan ayat al-Quran yang bermaksud "mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemunkaran". Mengajak kebaikan ialah mengajak manusia kepada Allah atau mentaati perintah Allah. *Amar makruf nahi munkar* ialah amalan sunnah nabi yang fardhu.

Firman Allah mengenai amalan amar makruf nahi munkar di dalam Al-Quran;

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ
وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ٧١

Maksudnya:

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka mengajak kepada kebaikan dan mencegah daripada berbuat kejahatan dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

(Surah at-Taubah: 71)

KONSEP JIHAD AMAR MA'RUF DAN NAHI MUNKAR

Dalam al-Quran ungkapan amar ma'ruf nahi munkar sentiasa diulang-ulang. Perkataan *ma'ruf* telah disebut sebanyak tiga puluh sembilan kali, manakala kata munkar sebanyak tiga puluh tujuh kali . Malah kedua-dua ungkapan tersebut sering digandingkan bersama-sama pada lima belas tempat dalam al-Quran . Keadaan ini menggambarkan betapa pentingnya perlaksanaan amar ma'ruf nahi munkar untuk kesejahteraan umat manusia. Malah kewajipan melaksanakan tuntutan amar ma'ruf dan nahi munkar ini dapat dilihat menerusi beberapa dalil al-Quran dan hadis , seperti firman Allah yang maksudnya:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آهَلُ الْكِنَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ مَتَّعْتُمُ الْمُؤْمِنُونَ
وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ١١٠

Maksudnya:

“Hendaklah ada di antara kamu umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh dengan ma’ruf dan melarang daripada yang munkar, dan mereka itulah orang yang mendapat kemenangan” (surah Ali-’Imran 3 : 110)

Menerusi ayat di atas, kewajipan amar ma’ruf dan nahi munkar digambarkan sebagai suatu perkara yang penting kepada umat Islam, kerana pelaksanaannya adalah syarat untuk mendapat gelaran umat terbaik daripada Allah. Perkataan *amar* diambil daripada perkataan Arab iaitu al-amr, kata dasarnya ialah amara (امر) yang membawa maksud seseorang melakukan sesuatu perkara, dan juga bermaksud mengawal, menguasai, dan memerintah. Menurut al-Raghib, perkataan *al-amr* bermaksud seseorang melakukan sesuatu perkara dan penggunaan perkataan ini kebiasaannya dikhususkan untuk Allah seperti firman Allah (اقيموا الصلاة) yang bermaksud “Dirikanlah sembahyang”. Perkataan *al-amr* juga dilihat membawa maksud menuntut melakukan sesuatu dengan perkataan, perbuatan, isyarat dan sebagainya. Di samping itu kata *al-amr* juga membawa maksud menasihati atau memberikan pandangan kepada seseorang. Dalam al-Quran, perkataan ini digunakan dengan makna yang luas dan mendalam. *Al-amr* juga turut digunakan untuk beberapa tujuan, antaranya:-

1. Al-Du’a’ (الدعاء) apabila orang yang diperintah lebih tinggi kedudukannya daripada orang yang memerintah, seperti firman Allah;

“Tuliskanlah bagi kami kebajikan di dunia ini dan di akhirat. Sesungguhnya kami bertaubat kepadamu.”

(Surah al-Ar’raf 7: 156)

2. Al-Ibahah (الاباحة) bermaksud mengharuskan sesuatu perkara, seperti firman Allah yang bermaksud;

“Makanlah daripada perkara-perkara yang baik.” (Al-Mu’minun 23: 51)

3. Al-Taahid (التحديد) bermaksud ugutan, dalilnya firman Allah maksudnya:
“Kerjakanlah olehmu apa yang kamu kehendaki. Sesungguhnya dia melihat apa yang kamu kerjakan.” (Surah al-Isra’ 52:16)

4. Al-Tahqir (التحقير) bermaksud penghinaan, seperti firman Allah maksudnya:
“Lemparkanlah apa yang hendak kamu perlihatkan (iaitu sihirmu).

(Surah al-Syuara’ 26:43)

Perkataan ma’ruf pula diambil daripada kata dasar *’arafa* yang membawa maksud suatu perbuatan yang dilakukan secara berturut-turut, tenang dan tenteram (Manzur). Kata ma’ruf membawa maksud sesuatu perkara yang baik kerana jiwa manusia sentiasa berminat dan berasa bahagia dengan perkara tersebut.

Perkataan nahy pula diertikan sebagai larangan atau tegahan seseorang daripada melakukan sesuatu perkara, sama ada dengan perkataan atau perbuatan seperti firman Allah bermaksud, “Dan adapun orang yang takut kepada ketinggian tuhanNya dan menegah diri daripada menurut hawa nafsu.(surah Al-Nazi’at 40 : 79) ” Kata munkar (منكر) adalah akronim kepada perkataan ma’ruf. Dalam hal ini Ibn Faris mentakrifkan perkataan munkar sebagai suatu perkara yang tidak dipersetujui oleh hati dan tidak dapat diterima lidah. Dengan kata lain, perkataan munkar membawa maksud sesuatu yang buruk. Al-Raghib (Asfahani, 1996) pula mendefinisikan perkataan munkar sebagai keburukan yang dapat diketahui menerusi penilaian akal dan agama, juga membawa maksud sesuatu yang tidak diketahui. Sementara itu Ibn Manzur (Manzur) pula mentakrifkan perkataan munkar sebagai setiap

perkara buruk yang diharamkan oleh agama. Pengertian lain bagi perkataan munkar ialah sesuatu perbuatan, perkataan, dan seumpamanya yang tidak boleh diterima, buruk, keji dan tidak dapat diluluskan undang-undang.

Kesimpulannya perkataan amar ma'ruf bermaksud menyuruh umat manusia beriman dengan Allah dan mengabdikan diri kepadanya dengan merealisasikan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w dalam kehidupan mereka dan ini adalah kebaikan yang utama. Manakala perkataan nahi munkar bermaksud berusaha mencegah berlakunya syirik kepada Allah dan mendustai Nabi kerana itu adalah kemungkaran yang paling besar.

PENGAMALAN AMAR MA'RUF NAHI MUNKAR DI MASJID

Pelaksanaan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar* *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mensyaratkan bahawa hendaklah dengan memerhatikan kaedah dan akibatnya. Iaitu:

1. Tidak boleh melarang satu perkara yang *mungkar* dengan menggunakan kaedah atau cara yang *mungkar*.
2. Tidak boleh menyuruh satu perkara yang *ma'ruf* jika dengannya akan terhilang *kema'rufan* lain yang lebih besar atau dengannya terhasil *kemungkaran* yang baru.
3. Tidak boleh melarang satu perkara yang *mungkar* jika dengannya *kemungkaran* menjadi lebih besar, atau terhasil *kemungkaran* yang baru, atau dengannya terhalang *kema'rufan* yang lain.

Pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, pernah seorang arab Badwi membuang air kecil di dalam masjid. Para sahabat bergegas melarangnya tetapi Rasulullah melarang mereka dan membiarkan Badwi tersebut menyelesaikan pembuangan air kecilnya. Setelah itu barulah baginda menegur Badwi tersebut dan memberi tunjuk ajar kepadanya.

Dalam peristiwa di atas yang tercatat dalam *Shahih Muslim* (nombor 285), Rasulullah tidak secara terus melarang kemungkaran yang berlaku di hadapan matanya, di dalam masjidnya. Jika kemungkaran tersebut dilarang serta merta, akan berlaku kemungkaran lain yang lebih besar. Badwi tersebut mungkin cuba melarikan diri dan ini akan menyebabkan air kencingnya bertaburan di sekeliling masjid manakala auratnya akan dilihat oleh orang ramai. Atau badwi tersebut mungkin akan berhenti, menahan dirinya dari membuang air kecil dan ini akan membawa mudarat kepada kesihatannya.

Wawasan yang dimiliki oleh Rasulullah menyebabkan baginda tidak melarang kemungkaran yang dilakukan oleh Badwi tersebut serta merta kerana ia akan melahirkan kemungkaran lain yang lebih besar. Baginda hanya menegur setelah urusannya selesai manakala para sahabat disuruh oleh baginda untuk menyiram air di kawasan terbabit.

Peristiwa di atas, sekali pun kecil, perlu dijadikan iktibar oleh kita semua. Hendaklah pengajarannya dipraktik dan diperluaskan kepada pelbagai senario yang kita hadapi masa kini. Berdasarkan Muhammad (Ibrahim, 1967), masjid ketika zaman Rasulullah s.a.w merupakan tempat penyebaran dakwah dan ilmu Islam. Masjid dijadikan tumpuan dan pusat bagi sebarang penyelesaian masalah individu dan masyarakat. Walaupun bertempat masjid yang serba sederhana, ianya digunakan oleh Rasulullah s.a.w untuk menerima dan berjumpa dengan duta-duta asing, dan tempat yang mana pemimpin-pemimpin Islam bersidang selain digunakan sebagai madrasah dan tempat pengajian bagi menuntut ilmu tentang ajaran Islam. Ketika menggambarkan fungsi utama masjid selain tempat ibadat, Muhammad (Ibrahim, 1967) berkata:

“Sejarah masjid Quba di Madinah menjadi bukti sebagai institusi pendidikan apabila ianya didirikan oleh Rasulullah s.a.w sendiri sebagai medium untuk baginda s.a.w memberi khutbah dan halaqah sementara para sahabat duduk mengelilingi baginda dan melakukan soal jawab berkaitan urusan agama sehari-hari. Begitulah juga fungsi dan peranan masjid-masjid utama yang lain seperti Masjid Nabawi, Masjidil Haram, Masjid Kufah, Masjid Basrah dan banyak lagi”.

Melihat kepada fungsi yang dimainkan oleh institusi masjid pada zaman Rasulullah ini, kemungkinan ia suatu yang sukar untuk diaplikasikan keseluruhannya kepada masjid-masjid yang ada sekarang. Tetapi, sejauh manakah institusi masjid sekarang; dengan kapasiti kemampuan yang ada, telah memaksimumkan fungsinya supaya ia benar-benar menjadi nadi penggerak umat? Justeru, apakah realiti masjid pada masa kini sebagai penggerak amar ma’ruf dan nahi munkar.

Dalam pelaksanaan amar ma’ruf di masjid iaitu dengan menggalakkan jemaah untuk menunaikan solat di awal waktu bersama imam, niat beriktikaf ketika duduk di masjid, menjaga adab ketika di masjid dengan banyak berzikir dan membaca al-quran, mengadakan majlis ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah. Selain itu mengadakan kempen-kempen kefardhuan seperti kempen sejuta ummah solat subuh berjemaah. Ghafani Awang Teh (2008) pula mencadangkan beberapa langkah praktikal antaranya; menyediakan maklumat berkenaan sejarah penubuhan masjid, menyediakan senibina yang menarik, persekitaran yang bersih dan ceria, kemudahan tandas yang selesa, menyediakan risalah mengenai Islam dan fungsi-fungsi dalaman masjid, menyediakan kemudahan tempat letak kenderaan yang selesa, menjalankan promosi yang luas kepada masyarakat setempat dan pelancong asing, menyediakan perkhidmatan pemandu pelancong, menyediakan kerusi rehat eletronik dan menyediakan ruangan pameran serta galeri (Latif, 2010).

Manakala dari sudut keindahan seni bina masjid dengan memaparkan budaya dan etnik masyarakat setempat seperti masjid Negara, masjid Wilayah Persekutuan, masjid Putra di Putrajaya, masjid Terapong-Tengku Tengah Zaharah Kuala Terengganu, masjid Kristal Jerneh Terengganu, masjid Ubudiah Kuala Kangsar, masjid Kg Laut Kelantan, masjid Ulu Melaka Melaka dan lain-lain semestinya memukau para pelancong asing yang datang ke Malaysia. Namun dikhuatiri tujuan menjadikan institusi masjid sebagai destinasi pelancongan yang menjadi matlamat utama kebanyakan pihak dikhuatiri tersasar daripada fungsi asal kewujudan masjid iaitu pembinaannya atas asas taqwa. Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ali bin Abu Talib r.a yang bermaksud: (I-Bayhaqy, 1994):

“Sudah hampir suatu masa di mana tidak tinggal lagi daripada Islam itu kecuali hanya namanya dan tidak tinggal daripada al-Quran itu kecuali hanya tulisannya. Masjid-masjid mereka tersergam indah tetapi ia kosong daripada hidayah. Ulama mereka adalah sejahat-jahat makhluk yang ada”

Hal ini adalah kerana kewujudan dan pembinaan masjid dilihat lebih menfokuskan kepada seni binanya yang bakal mengkagumkan para pelancong daripada pengisian rohani dan kesan yang boleh dilakukan kepada masyarakat setempat. Perbelanjaan jutaan ringgit untuk membina masjid dengan tujuan bermegah-megah adalah satu perbuatan yang sia-sia, membazir dan menunjukkan sifat yang berlebih-lebihan sekiranya orang yang memakmurkannya pula hanya sedikit. Imam Ahmad meriwayatkan dari Anas bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, maksudnya: " Tidak akan datang kiamat sehingga manusia bermegah-megahan dalam membangun masjid".

Sikap berlebih-lebihan ini kadang-kala dilihat menyerupai kaum Yahudi ataupun Nasrani dalam membangunkan tempat ibadat mereka, lebih besar belanja dan keluasanya, lebih tersohor nama masjid tersebut. Ibnu Abbas berkata: "Sungguh kalian akan memperindah dan menghiasinya (masjid) sebagaimana orang-orang Yahudi dan Nasrani memperindah dan menghiasi tempat ibadah mereka." Maka tidaklah hairan apabila ramai pihak sehingga kini masih meragui masjid-masjid di Malaysia perihal fungsi dan peranannya dalam mencontohi kegemilangan institusi masjid pada zaman kegemilangan Islam walaupun telah menelan belanja yang besar.

Selain itu, masjid di sesetengah kawasan di Malaysia juga dilihat dijadikan tempat perkumpulan serta tarikan pelancong kerana terdapat kuburan orang-orang ternama di dalam perkarangan masjid. Perkara ini kurang diberi perhatian oleh jabatan agama Islam negeri (JAIN) walhal ianya perkara yang boleh merosak fungsi utama institusi masjid sebagai tempat ibadat, bukannya makam perkuburan. Hatta ianya hanya kuburan orang biasa yang ditanam di perkarangan masjid apatah lagi perkuburan yang akhirnya dibangunkan masjid di atasnya adalah satu kesalahan dari aspek fekah dan dikhuatiri mampu merosakkan akidah umat Islam.

Rasulullah s.a.w telah mengingatkan agar tidak menempatkan kubur di perkarangan masjid kerana ianya merupakan perbuatan Yahudi dan Nasrani, ianya juga dari sudut hikmah demi mengelak menjadi sarana mempersekutukan Allah s.w.t dengan para penghuni kuburan-kuburan tersebut, yang mana diantara akibatnya, orang-orang berkeyakinan bahawa para penghuni kuburan yang dikuburkan di masjid-masjid itu boleh memberikan syafaat, manfaat dan sebagainya. Hal ini jelas berbeza dengan Masjid Nabawi yang dibesarkan daripada keluasan asal demi menampung jemaah yang semakin ramai.

Masih banyak kelihatan masjid-masjid yang terdapat kuburan di perkarangan masjid dewasa ini tanpa ada sebarang tindakan diambil dari pihak berwajib. Ada yang mengambil kesempatan menggunakan kuburan orang-orang ternama yang berada di perkarangan masjid sebagai salah satu promosi kepada masjid berkenaan. Antara masjid yang terkenal dalam isu ini seperti Masjid Melayu, Bandar Taiping (Masjid Lama Taiping), Masjid Pondok Upeh, Balik Pulau, Masjid Kampung Kling, Melaka, Masjid Ubudiah Kuala Kangsar, Masjid Mengabang Telipot, Masjid Langgar, Masjid Kampung Telaga Nenas, Masjid Tok Selehor, dan banyak lagi.

Tidak dapat dinafikan wujud sesetengah masjid yang bijak dalam menggunakan dana-dana yang diperolehi dalam melaksanakan program atau aktiviti-aktiviti yang bermanfaat. Sepertimana yang dinyatakan oleh Jaafar et. (2001) bahawa masjid juga berfungsi sebagai penerima sumbangan harta fizikal dalam pelbagai bentuk termasuklah peralatan hinggalah tanah dan bangunan yang diwakafkan oleh pihak-pihak tertentu. Oleh itu apabila semua sumbangan dana dan harta yang diwakafkan ini digabungkan, maka sebahagian masjid itu mempunyai dana dan harta yang besar nilainya. Apa yang menjadi kerisauan semua pihak ialah apabila banyak harta wakaf masjid yang terbiar tanpa diusahakan untuk mendatangkan faedah yang diharapkan.

Di antara kemungkaran lain di masjid yang perlu dicegah adalah tidak boleh mencela seorang mujtahid yang tersilap dalam ijtihadnya, sekali pun hasil ijtihadnya dipandang oleh pencela sebagai satu bid'ah. Ini kerana sikap mencela seorang ilmunan dan mujtahid adalah satu bid'ah yang lebih besar berbanding bid'ah yang terhasil daripada ijtihad yang tersilap itu. Selain itu tidak boleh

menyuruh para jamaah sesudah solat Subuh pada pagi Jumaat untuk membaca surah al-Kahf dengan suruhan yang keras. Suruhan ini menghilangkan *kema'rifan* lain yang lebih besar, iaitu para jamaah tidak lagi selesa untuk menghadiri solat Subuh secara berjamaah di masjid pada masa akan datang. Ia juga boleh menghasilkan *kemungkaran* yang baru, iaitu apabila ahli jamaah masjid berselisih dan berpecah sesama mereka. Tidak boleh menghalang satu amalan bid'ah dengan cara yang keras kerana ia tidak akan menghilangkan bid'ah tersebut. Malah ia akan menghasilkan kemungkaran yang lebih besar dimana orang yang melakukan bid'ah semakin menjauhkan diri mereka daripada sunnah, bukan kerana mereka membenci sunnah tetapi kerana membenci orang yang menyampaikan sunnah tersebut secara keras dan memaksa. (Abdullah, 2011)

Di antara kemungkaran-kemungkaran yang biasa dilihat di dalam masjid-masjid ialah cara penunaian solat secara tidak sempurna dengan meninggalkan *toma'ninah* ketika ruku' dan sujud. Perkara ini adalah suatu kemungkaran yang membatalkan sembahyang menurut nas hadis, maka wajiblah ditegahnya. Kemungkaran yang lain yang selalu disaksikan di dalam masjid-masjid ialah membaca al-Quran banyak kesalahannya dari hukum tajwid. Ini juga wajib ditegah oleh orang yang mengetahuinya, dengan mengajarkannya bacaan yang betul. Orang yang terlalu banyak membuat kesalahan dalam bacaan al-Quran sedangkan ia mampu belajar, hendaklah ia berhenti membaca sebelum belajar, kerana membaca dengan banyak salah-salah adalah berdosa.

CADANGAN

Perkara ini perlu diambil serius supaya fungsi masjid itu berkembang sesuai dengan peredaran zaman dan pihak pengurusan masjid dituntut bersifat kreatif dan inovatif dalam merancang aktiviti dan hala tuju masjid sebagai pusat pengembangan syiar Islam seperti yang pernah diterajui suatu masa dahulu dan sehinggalah hari ini. Masjid bukan hanya memberi tumpuan pada hal ehwal ibadat khusus semata, contohnya wujud beberapa masjid yang hanya mengisi jadual aktiviti bulanan mereka dengan solat hajat secara berjamaah pada isu-isu yang dirasakan perlu, atau bacaan yasin dan tahlil yang dibuat secara mingguan dan lain-lain aktiviti tanpa merancang program-program yang mampu lebih mendekatkan masyarakat terutamanya remaja dengan masjid.

Jawatankuasa yang mempunyai kemahiran pengurusan yang tinggi dapat merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang menarik dan mampu melibatkan anggota masyarakat keliling dalam usaha memakmurkan dan memuliakan masjid. Antara program atau aktiviti dari sudut sosial yang dianjurkan oleh masjid di sekitar ibu kota ialah seperti kelas pengajian al-Quran, kelas taekwondo, program pengurusan rumahtangga, seminar-seminar, khidmat sosial dan kaunseling keluarga atau kemasyarakatan agama dan sebagainya.

Selain itu menyediakan portfolio biro Dakwah dan Amar Ma'ruf Nahi Munkar yang bertanggungjawab dalam merancang aktiviti/program/kempen dakwah, mewujudkan Unit Skwad Dakwah bagi memberi peringatan dan nasihat kepada penduduk Islam serta bertanggungjawab bagi

membantu Penguatkuasa Masjid menjalankan operasi yang berkaitan Enakmen Jenayah Syariah Selangor seperti khalwat atau bercumbuan di sekitar kawasan masjid, mencuri, kes membuli dan sebagainya.

RUMUSAN

Kemakmuran dan kecemerlangan institusi masjid adalah tanggungjawab setiap umat Islam. Mereka perlu terus mencari jalan untuk menjadikan semua masjid sebagai institusi ulung yang berkesan dari segi peranannya sebagai pusat pembelajaran dan pembangunan sosial. Ia hanya boleh dilakukan dengan adanya sokongan penuh masyarakat khususnya masyarakat Islam, keupayaan kita membangun kepimpinan yang berwibawa dan sistem pentadbiran yang bersih dan kukuh. Dengan landasan demikian, masjid diharap akan bertambah makmur dan institusi masjid mampu untuk menjadikan masyarakat Islam cemerlang, dihormati dan dihargai malah mampu menarik golongan bukan Islam mendekati Islam.

Rujukan

Al Quran pimpinan Ar Rahman

- Abdullah, H. F. (2011). *Mari Berkenalan Dengan Ahli Sunnah Wa Al Jamaah*. Retrieved from Berkenalan Dengan Ciri - Ciri Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Dalam: Amar Makruf Nahi Mungkar: www.hafizfirdaus.com/ebook/ASWJ/ciri5A.htm
- Ali, A. C. (2008). Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari. In K. A. Ismail Mustari, *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari* (p. 29). Johor Baharu: Universiti Teknologi Malaysia.
- Asfahani, a. R. (1996). *Mufradat Alfadh al-Quran*.
- Ibrahim, M. (1967). *Al-Jannati, al-Masajid wa Ahkamuha*. Al-Najaf, Iraq: Mathbaah al-Qada'.
- Latif, M. K. (2010). Fungsi dan Peranan Masjid dalam Islam . *Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Masjid* .
- Manzur, i. (n.d.). *Lisanul Arab*.